



## MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

### PENGISIAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Rakyat DYMM Sultan Perak** dan **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan sahaja untuk memenuhi jawatan berikut:

1. (a) Jawatan : **PEGAWAI TADBIR GRED N41/N44 (KEJURUTERAAN)**  
(Kekosongan Jawatan : 1)
- (b) Kementerian / Jabatan / Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Majlis Daerah Tanjong Malim
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
- (e) Jadual Gaji : Minimum RM 2,529.00 – Maksimum RM 9,643.00
- (f) Syarat Lantikan :
  1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - (a) **warganegara Malaysia;**
    - (b) berumur **tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
    - (c) (i) **Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N41 (Kejuruteraan): RM2,529.00);**
  - KEUTAMAAN** adalah kepada calon yang memiliki pengalaman atau pengetahuan di dalam bidang **KEJURUTERAAN AWAM** sahaja.
- (g) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :
  2. Calon bagi lantikan hendaklah **memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (h) Syarat Peningkat Secara Lantikan :
  3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 (Jurutera), tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabilila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
    - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan (f)1(c)(i); atau
    - (ii) lulus Peperiksaan Badan Iktisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia / Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

(b) had umur pelantikan:

- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

- (i) Penetapan Gaji Permulaan : 4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N41 (Kejuruteraan) boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- (j) Tempoh Percubaan : 5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- (k) Latihan : 6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- (l) Program Transformasi Minda/Peperiksaan : 7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- (m) Pengesahan Dalam Perkhidmatan : 8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
- (n) Taraf Jawatan : **Tetap**

(o) Cara memohon:

- i. Permohonan jawatan yang ditawarkan hendaklah dipohon melalui sistem permohonan jawatan kosong di <https://digital.perak.my/penjawatan/>
- ii. Permohonan yang telah lengkap perlu dicetak dan disahkan beserta dengan salinan sijil dan transkrip atau keputusan peperiksaan yang telah diperolehi, kad pengenalan, sijil kelahiran yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport.
- iii. Permohonan daripada calon-calon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab 'A' 21. Permohonan yang tidak menurut peraturan dalam borang akan ditolak.

iv. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:

Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Tanjong Malim  
Peti Surat 59,  
**35900 TANJONG MALIM**

Tarikh tutup permohonan : **8 November 2021 (Isnin)**

Catatan Am:

- i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- ii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 12 bulan dari tarikh iklan ini ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
- iii. Segala perbelanjaan dan tuntutan bersabit dengan permohonan ini tidak akan ditanggung oleh Majlis Daerah Tanjong Malim.